

Seminar Kebangsaan setahun kepimpinan Abdullah sebagai Perdana Menteri 20 Nov.

Oleh **ZULKIFLI JALIL**

PULAU PINANG 11 Okt. - Pengamatan secara dekat kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam tempoh setahun sebagai Perdana Menteri khusus berkaitan perubahan interaktif yang dilaksanakan mengikut suasana politik tanah air akan dikupas pada satu seminar peringkat kebangsaan 20 November ini.

Seminar bertemakan "Abdullah Ahmad Badawi: Satu Tahun di Putrajaya - Perubahan Dalam Kesenambungan. Gagasan Kesejahteraan Masa Depan" yang akan diadakan di Hotel Legend, Kuala Lumpur itu adalah anjuran Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia

(USM) bersama tiga institusi pemikir negara ini.

Tiga institusi berkenaan ialah Yayasan Strategik Sosial (YSS), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Institut Strategik Kepimpinan Asia (Asli).

Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dzulkifli Abdul Razak berkata, seminar akan memberi tumpuan kepada beberapa isu yang wajar diberi tumpuan oleh segenap lapisan masyarakat dari kalangan ahli politik, ilmunan, akademik dan korporat.

Menurutnya, sub tema yang akan dikupas oleh anggota panel pada seminar itu nanti berkaitan gaya kepimpinan Abdullah mengurus kejayaan negara, sumbangan memacu kegemilangan Islam serta cabaran

yang dilalui dalam meningkatkan hubungan luar negara.

"Seminar ini merupakan satu bentuk penghormatan kepada Datuk Seri Abdullah kerana walaupun baru setahun berada dalam pejabat Perdana Menteri, kita lihat banyak perubahan positif yang telah diakui rakyat khusus berkisar aspek kepimpinan beliau," katanya pada sidang akhbar di USM hari ini.

Menurut Dzulkifli, anggota panel yang akan mengambil bahagian dalam Sidang I: Mengurus Kejayaan ialah Pengerusi Eksekutif Utusan Karya Sdn. Bhd., Prof. Datuk Dr. Firdaus Abdullah dan dua pensyarah, Dr. Sharifah Munirah Syed Hussein Alatas dan Dr. Sivamurugan Pandian, masihg-

masing dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan USM.

Sidang II: Agenda Sosial Ke Arah Kesejahteraan Rakyat pula disertai oleh Prof. Dr. Roziyah Omar (ISM), Dr. Denison Jayasooria (YSS) dan Datuk Dr. Nordin Kardi dari Biro Tatanegara.

Tiga anggota panel lain, yang terlibat dalam Sidang- III: Islam Al-Hadhari - Memacu Kegemilangan Islam ialah Datuk Nakhai Ahmad (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia), Uthman El-Muhammady (ISTAC) dan Prof. Muhammad Syukri Salleh (USM).

Sementara Bicara Halatuju Negara: Cemerlang, Gemilang dan Terbilang akan disertai oleh bekas Naib Presiden UMNO,

Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Datuk G. Palanivel (MIC) dan Tan Sri Dr. Ting Chew Peh.

Menurut Dzulkifli, seramai 350 peserta terdiri daripada anggota politik kerajaan, pembangkang, ahli akademik, korporat dan pelajar institut pengajian tinggi dijangka menyertai seminar itu yang akan dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Tambahnya, hasil seminar dalam bentuk laporan akan dikemukakan kepada Abdullah.

"Kita juga bercadang membukukan hasil seminar ini supaya orang ramai dapat memperoleh maklumat dan manfaat mengenai daya kepimpinan Datuk Seri Abdullah," katanya.